

Melaburlah hari ini untuk **masa depan** **yang lebih cerah**

DITERBITKAN: JANUARI 2024



Pelbagaikan Simpanan KWSP anda dengan AHAM Capital

Skim Pelaburan Ahli KWSP ("SPA-KWSP") merupakan satu skim pelaburan sukarela yang diperkenalkan pada November 1996 sebagai satu alternatif bagi ahli KWSP menambah simpanan persaraan mereka.

Di bawah skim ini, pencarum boleh memilih untuk memindahkan tidak melebihi 30% daripada simpanan yang melebihi jumlah Simpanan Asas dalam Akaun 1 ke dalam produk unit amanah yang ditawarkan oleh Institusi Pengurusan Dana ("IPD").

Manfaat SPA-KWSP



- Peluang mempelbagaikan simpanan persaraan anda
- Pelbagai jenis dana untuk dipilih berdasarkan objektif dan tahap risiko anda
- Potensi pulangan yang lebih tinggi bagi menambah nilai keseluruhan simpanan KWSP anda
- Tiada pelaburan tunai diperlukan
- Pelaburan jangka panjang alternatif yang efektif
- Pendedahan kepada pelaburan di luar Malaysia

Kelayakan




- Ahli KWSP
- Umur 18-54
- Memiliki simpanan melebihi jumlah Simpanan Asas dalam Akaun 1 yang ditetapkan

Apa itu Simpanan Asas?

Simpanan Asas merujuk kepada jumlah simpanan minimum yang diperlukan oleh pencarum untuk memenuhi keperluan asas mereka apabila mencapai umur persaraan.

Nilai di dalam Akaun 1 ditentukan mengikut umur. Secara umumnya, pencarum yang lebih tua memerlukan lebih banyak simpanan asas.



Jadual Simpanan Asas

Umur	Simpanan Asas (RM)	Umur	Simpanan Asas (RM)	Umur	Simpanan Asas (RM)
18	2,000	31	39,000	44	116,000
19	4,000	32	43,000	45	125,000
20	6,000	33	47,000	46	134,000
21	8,000	34	52,000	47	144,000
22	10,000	35	57,000	48	154,000
23	13,000	36	62,000	49	164,000
24	15,000	37	68,000	50	175,000
25	18,000	38	74,000	51	187,000
26	21,000	39	80,000	52	199,000
27	24,000	40	86,000	53	212,000
28	27,000	41	93,000	54	226,000
29	31,000	42	101,000	55	240,000
30	35,000	43	108,000		

Bagaimanakah SPA-KWSP Berfungsi?

<p>30% daripada simpanan melebihi jumlah Simpanan Asas dalam Akaun 1</p>	<p>Pengiraan: Jumlah simpanan dalam Akaun 1 KWSP – Simpanan Asas yang diperlukan dalam Akaun 1 KWSP $x 30\%$</p>	<p>Contoh: Irina ialah seorang ahli KWSP berumur 35 tahun yang mempunyai RM80,000 dalam akaun 1 KWSP beliau. Simpanan Asas yang diperlukan dalam Akaun 1 adalah RM57,000. Jumlah pengeluaran yang dibenarkan untuk SPA-KWSP adalah $(RM80,000 - RM57,000) \times 30\% = RM6,900$</p>
--	--	--

Jumlah simpanan minimum yang boleh dikeluarkan adalah RM1,000 dan tertakluk kepada jumlah simpanan lebihan berasaskan syarat-syarat Simpanan Asas dalam Akaun 1.

Dana SPA-KWSP oleh AHAM Capital Konvensional & Shariah

Dana aktif untuk tahun 2023/2024 (berkuat kuasa 1 Ogos 2023)

JENIS DANA	AMAT RENDAH	RENDAH	SEDERHANA	TINGGI	AMAT TINGGI
Konvensional	<p>Dana AHAM Enhanced Deposit*</p> <ul style="list-style-type: none"> Pasaran Wang / Pendapatan Melabur di Malaysia 		<p>Dana AHAM Select Balanced</p> <ul style="list-style-type: none"> Seimbang / Pertumbuhan & Pendapatan Melabur di Malaysia & pasaran asing 	<p>Dana AHAM Equity</p> <ul style="list-style-type: none"> Ekuiti / Pendapatan & Pertumbuhan Melabur di Malaysia 	<p>Dana AHAM ASEAN Flexi</p> <ul style="list-style-type: none"> Aset Campuran / Pendapatan & Pertumbuhan Melabur di rantau ASEAN
			<p>Dana AHAM Select SGD Income</p> <ul style="list-style-type: none"> Aset Campuran / Pendapatan Melabur dalam aset yang didenominasikan dalam SGD 	<p>Dana AHAM Growth</p> <ul style="list-style-type: none"> Ekuiti / Pertumbuhan Melabur di Malaysia 	
			<p>Dana AHAM ESG SGD Bond</p> <ul style="list-style-type: none"> Bon / Pendapatan Melabur di Singapura dan pasaran asing 	<p>Dana AHAM Principled Growth</p> <ul style="list-style-type: none"> Ekuiti / Pendapatan & Pertumbuhan Melabur di Malaysia 	
				<p>Dana AHAM Select Asia Pacific (ex Japan) Dividend</p> <ul style="list-style-type: none"> Ekuiti / Pertumbuhan Melabur di Asia (kecuali Jepun) 	
				<p>Dana AHAM Select Dividend</p> <ul style="list-style-type: none"> Ekuiti / Pendapatan & Pertumbuhan Melabur di Malaysia & pasaran asing 	
				<p>Dana AHAM Select Opportunity</p> <ul style="list-style-type: none"> Ekuiti / Pertumbuhan Melabur di Malaysia & pasaran asing 	
				<p>Dana AHAM Tactical</p> <ul style="list-style-type: none"> Aset Campuran / Pertumbuhan Modal Melabur di Malaysia & pasaran asing 	
				<p>Dana AHAM World Series - Global Balanced</p> <ul style="list-style-type: none"> Seimbang (Dana kepada Dana) / Pertumbuhan Melabur dalam pasaran global 	
				<p>Dana AHAM Aijam Quantum</p> <ul style="list-style-type: none"> Ekuiti Islam / Pertumbuhan Modal Melabur di Malaysia 	
				<p>Dana AHAM Aijam Growth</p> <ul style="list-style-type: none"> Ekuiti (patuh Shariah) / Pertumbuhan Melabur di Malaysia 	
Shariah	<p>Dana AHAM Aijam Money Market*</p> <ul style="list-style-type: none"> Pasaran Wang Islamik / Pendapatan Melabur di Malaysia 				

Nota:

- Untuk dana yang mempunyai pelbagai kelas mata wang, ahli KWSP hanya dibenarkan melabur dalam kelas MYR sahaja.
- *Berkuat kuasa 1 Januari 2022, **tiada pelaburan awal dibenarkan dalam mana-mana dana pasaran wang melalui SPA-KWSP**. Transaksi penukaran tabung ("switching") daripada dana selain dana pasaran wang yang diluluskan di bawah SPA-KWSP kepada dana pasaran wang yang diluluskan di bawah SPA-KWSP adalah dibenarkan tetapi tertakluk kepada kriteria berikut: a) Pegangan pelaburan hendaklah tidak melebihi enam (6) bulan berturut-turut, dikira berdasarkan kaedah pertama masuk, pertama keluar. b) Setelah tamat tempoh masa yang dinyatakan dalam ruang (ii) (a), jika terdapat sebarang unit baki dalam dana pasaran wang di bawah SPA-KWSP, ahli KWSP mempunyai pilihan sama ada untuk menebus sepenuhnya pelaburan dan hasil penebusan dikreditkan ke Akaun 1 KWSP, atau menukar unit-unit yang tinggal kepada dana bukan pasaran wang di bawah SPA-KWSP. c) Sekiranya proses di ruang (ii)(b) gagal, AHAM Asset Management berhak untuk mencairkan semua pelaburan dan hasil penebusan akan dikembalikan semula ke Akaun 1 KWSP ahli KWSP yang berkaitan.
- * Produk perlindungan insurans.

Melaburlah dengan Kami untuk Perlindungan Anda

Pelan Insurans Hayat Bertempoh Kumpulan ini adalah ekslusif dan percuma untuk para pelabur yang melabur dalam Dana yang Layak (seperti yang tertera di bawah) melalui Saluran Pengedaraan Dalaman dan / atau Perunding Dana Unit Amanah AHAM Capital.

Menginsurankan	Umur	Kriteria	Dana Layak di bawah SPA-KWSP	Pemeriksaan Kesihatan
 Pemegang Unit Prinsipal	 18-64 tahun	 Pemegang Unit dengan jumlah unit minimum 10,000 dalam Dana yang Layak	 Dana AHAM Aijam Growth Dana AHAM Select Asia Pacific (ex Japan) Dividend Dana AHAM Select Balanced Dana AHAM Select Dividend Dana AHAM Select Opportunity Dana AHAM Select SGD Income	 Tiada pemeriksaan kesihatan diperlukan

PERLINDUNGAN INSURANS

**Kematian atau Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (“TPD”)
disebabkan semua punca***



*Tertakluk kepada tempoh menunggu selama 12 bulan bagi Keadaan Sedia Ada

NILAI DIINSURANSKAN

SEHINGGA RM200,000


Nilai yang diinsuranskan disemak pada 25hb setiap bulan berdasarkan nilai pasaran pelaburan terbabit.



Fakta Persaraan Malaysia

Semakan Realiti Persaraan

Umur Persaraan Rasmi




Kebimbangan Pesara

Kemerosotan kesihatan



Kesempitan wang

Perubahan taraf hidup



Impian Pesara



Bebas hutang



Simpanan yang banyak & pendapatan pasif



Melancong ke seluruh dunia



Meluangkan masa bersama keluarga

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Abridged Life Tables Malaysia 2019-2021 diterbitkan pada 29 Julai 2021.

Krisis Persaraan Hari Ini



Rakyat Malaysia yang merancang untuk bersara dalam **tempoh 20-30 tahun** akan memerlukan sejumlah **RM900,000 - RM1 juta** untuk bersara dengan selesa¹



56% daripada ahli KWSP yang berumur kira-kira 54 tahun kini mempunyai jumlah **kurang daripada RM50,000** dalam akaun mereka¹



Rakyat Malaysia yang akan bersara dalam beberapa tahun akan datang memerlukan anggaran sekitar **RM600,000** untuk memiliki persaraan yang bermaruah di Kuala Lumpur, dan hanya kira-kira **4%** daripada rakyat Malaysia yang mampu bersara dengan ambang simpanan sebanyak RM600,000²



52% daripada ahli KWSP mempunyai bakikurang daripada RM10,000 dalam akaun mereka, manakala **27%** mempunyai baki kurang daripada RM1,000²



73% daripada ahli aktif KWSP dan **84%** daripada semua ahli mempunyai simpanan yang tidak mencukupi, yang akan menyebabkan mereka tidak mampu untuk memperoleh RM1,000 sebulan semasa bersara³



Dua pertiga (71%) daripada ahli KWSP yang **berumur 55 tahun ke bawah** tidak mempunyai dana yang mencukupi untuk persaraan untuk meningkatkan taraf mereka mengatasi paras kemiskinan⁴

Sumber: 1 Malay Mail, 23 September 2022; 2 The Star, 23 September 2022; 3 The Star, 28 Januari 2023; 4 Focus Malaysia, 23 Februari 2023.

PENYATA AMARAN:

Salinan Prospektus dan Halaman Serahan Produk boleh diperolehi di pejabat jualan AHAM Asset Management Berhad ("AHAM Capital") dan di laman aham.com.my. Pelabur dinasihatkan untuk membaca dan memahami kandungan Prospektus Dana AHAM Aiiman Growth (dahulu dikenali sebagai Dana Affin Hwang Aiiman Growth) bertarikh 14 April 2023; Dana AHAM Aiiman Money Market (dahulu dikenali sebagai Dana Affin Hwang Aiiman Money Market) Prospektus bertarikh 31 Mac 2023; Dana AHAM Aiiman Quantum (dahulu dikenali sebagai Dana Affin Hwang Aiiman Quantum) Prospektus bertarikh 28 April 2023; Dana AHAM ASEAN Flexi (dahulu dikenali sebagai Dana Affin Hwang ASEAN Flexi) Prospektus bertarikh 7 April 2023; Dana AHAM Enhanced Deposit Prospektus bertarikh 30 Disember 2022; Dana AHAM Equity (dahulu dikenali sebagai Dana Affin Hwang Equity) Prospektus bertarikh 7 April 2023; Dana AHAM Growth Prospektus bertarikh 22 November 2022; Dana AHAM Principled Growth Prospektus bertarikh 22 November 2022; Dana AHAM Select Asia Pacific (ex Japan) Dividend Prospektus bertarikh 30 Disember 2022; Dana AHAM Select Balanced (dahulu dikenali sebagai Dana Affin Hwang Select Balanced) Prospektus bertarikh 17 Mac 2023; Dana AHAM Select Dividend Prospektus bertarikh 30 Disember 2022; Dana AHAM Select Opportunity Prospektus bertarikh 30 Disember 2022; Dana AHAM Select SGD Income Prospektus bertarikh 22 November 2022; Dana AHAM Tactical (dahulu dikenali sebagai Dana Affin Hwang Tactical) Prospektus bertarikh 24 Mac 2023; Dana AHAM World Series - Global Balanced Prospektus bertarikh 30 Disember 2022; Dana AHAM ESG SGD Bond (dahulu dikenali sebagai Dana Affin Hwang SGD Bond) Prospektus bertarikh 29 September 2023, serta Halaman Serahan Produk yang berkaitan sebelum melabur. Pelaburan dalam dana-dana yang dinyatakan di sini melibatkan fi dan caj tertentu. Pelabur dinasihat untuk mempertimbangkan dan membandingkan fi dan caj serta risiko dengan teliti sebelum melabur. Pelabur perlu membuat penilaian sendiri mengenai risiko pelaburan dan mendapatkan nasihat profesional jika perlu. Harga unit dan agihan yang dibayar, jika ada, mungkin turun dan naik, dan prestasi masa lalu sesuatu Dana tidak seharusnya dijadikan panduan untuk prestasinya pada masa hadapan. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak memeriksa risalah ini dan tidak bertanggungjawab atas kandungannya serta dengan jelas menafikan kesemua liabiliti yang berbangkit daripada risalah ini. Sekiranya terdapat sebarang pertikaian atau kerugian berkenaan risalah versi Bahasa Malaysia ini, risalah dalam versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai dan ianya muktamad.

#GrowWithUs

Berhubung dengan Kami di ahamcapital

ahamcapital

AHAM Asset Management Berhad

Nombor Pendaftaran: 199701014290 (429786-T)

Aras Bawah, Menara Boustead, 69, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur, Malaysia.

Talian Bebas Tol: 1800 88 7080 T: +603 2116 6000

aham.com.my

